

Ucapan : YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)

Tajuk Ucapan : Isu Lapangan Terbang Sibu

Tarikh Ucapan : 19 Julai 2018 (Khamis)

Kementerian : Kementerian Pengangkutan

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin membangkitkan isu imej Lapangan Terbang Sibu yang semakin buruk. Hal ini boleh menjejaskan industri pelancongan di Sibu kerana lapangan terbang memberi imej pertama kepada pelancong.

Dalam usaha memperbaiki Lapangan Terbang Sibu oleh Malaysia Airports Berhad (MAB), terdapat beberapa isu berkenaan yang harus diambil perhatian:

- (a) Kebersihan tandas di Lapangan Terbang Sibu sentiasa diabaikan. Banyak aduan telah diterima mengenai kekotoran tandas. Selepas difahami, kontraktor yang berkenaan tidak melaksanakan tugas dengan sempurna dan sentiasa mengabaikan arahan pihak MASB Sibu. Kontraktor tersebut ialah Gasing Gemilang Sdn. Bhd., iaitu kontraktor yang sama bagi Kota Kinabalu International Airport dan Kuching International Airport. Kontraktor ini telah dilaporkan tidak bertanggungjawab dan tidak membayar EPF untuk kakitangan.

- (b) destinasi penerbangan dari Sibul masih kurang dan terhad. Isu ini menyebabkan pelancong tidak berapa minat dengan datang ke Sibul kerana tidak banyak pilihan penerbangan dari Sibul selepas persinggahan mereka di Sibul. Sibul dengan lokasinya di Sentral Sarawak yang amat strategik, seharusnya dilengkapi dengan lebih banyak laluan penerbangan, tidak kira dalam negeri atau luar negeri; dan
- (c) Harga tiket penerbangan dari Sibul ataupun ke Sibul masih lagi tinggi pada musim perayaan dan musim cuti sekolah. Hal ini tidak saja mempengaruhi rakyat di Sibul, ia juga akan menjejaskan industri pelancongan kerana pelancong tidak ingin membayar tiket penerbangan yang tinggi.

Saya menggesa YB. Menteri Pengangkutan untuk memerhatikan isu-isu seperti yang dinyatakan di atas dan menguatkuasakan undang-undang tertentu. Saya menggesa YB. Menteri Pengangkutan untuk bekerja rapi dengan Malaysian Aviation Commission (MAVCOM) dan berunding dengan syarikat penerbangan tentang isu menetapkan harga tiket penerbangan terutamanya pada musim perayaan dan cuti sekolah. Saya juga menggesa YB. Menteri Kewangan untuk menyiasat kes Syarikat Gemilang Sdn. Bhd. yang dilaporkan tidak membayar EPF untuk kakitangan.

Sekian, terima kasih.

TEKS JAWAPAN YB TIMBALAN MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Kebersihan Tandas Di Lapangan Terbang Sibul

Berhubung dengan isu kebersihan tandas di Lapangan Terbang Sibul, adalah dimaklumkan bahawa pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) kini sedang melaksanakan rangka kerja *Quality of Service* ("QoS") yang dilaksanakan secara berperingkat di semua lapangan terbang mulai Mei 2018. Rangka kerja ini bertujuan untuk memastikan pihak pengendali lapangan terbang menjalankan langkah-langkah yang sewajarnya bagi memastikan keselesaan semua pengguna lapangan terbang tersebut. Rangka kerja ini akan turut memperkenalkan penalti kewangan kepada pihak pengendali lapangan terbang yang gagal mematuhi standard yang telah ditetapkan.

Menurut Malaysia Airports Sdn. Bhd. (MASB), bagi memastikan kebersihan tandas di Lapangan Terbang Sibul, antara langkah penambahbaikan yang telah diambil oleh MASB ialah menempatkan seorang petugas pembersihan di setiap tandas bagi memastikan semua bekalan seperti tisu dan pewangi dibekalkan dengan mencukupi. Para petugas juga diberikan latihan mengenai cara-cara pencucian tandas yang betul. Penyelia pihak kontraktor dan Pegawai Operasi MASB telah diarahkan untuk mempertingkatkan pemantauan daripada 3 jam sekali kepada 2 jam sekali bagi memastikan kebersihan tandas pada setiap masa terutama pada waktu puncak. Pengurus Lapangan Terbang sendiri juga telah diarahkan untuk mengadakan pemeriksaan beberapa kali dalam seminggu.

Untuk makluman, menurut Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB), Gasing Gemilang Sdn. Bhd. adalah kontraktor yang telah dilantik oleh pihaknya melalui proses tender terbuka pada tahun 2015 untuk membersihkan tandas di bangunan terminal lapangan terbang tersebut. Kontrak perkhidmatan tersebut berkuatkuasa dari 1 November 2015 hingga 31 Oktober 2018. Mengambil kira kegagalan kontraktor untuk melaksanakan tugas dengan sempurna dan sentiasa mengabaikan arahan pihak MASB, pihak MASB akan mempertimbangkan untuk menyenarai hitamkan syarikat kontraktor berkaitan daripada menyertai sebarang tender yang akan dikeluarkan oleh pihak MASB pada masa akan datang. Untuk makluman juga, MASB telah mengenakan potongan bayaran ke atas kerja-kerja yang tidak disempurnakan oleh pihak kontraktor sejak bulan Januari 2016 hingga Jun 2018 iaitu sebanyak RM78,420.32 daripada jumlah kontrak keseluruhannya untuk tempoh 3 tahun sebanyak RM1,418,054.00. Di samping itu, bagi memperbaiki kerja-kerja yang tidak dijalankan kontraktor tersebut, pihak Malaysia Airports telah melantik dan menggunakan perkhidmatan pihak ketiga. Bayaran kepada pihak ketiga ini dilaksanakan melalui potongan yang dibuat kepada kontraktor tersebut.

Berhubung dengan isu kontraktor tidak mencarum di dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja mereka, pihak Malaysia Airports telah memanjangkan perkara ini kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada bulan Ogos 2017 untuk tindakan selanjutnya.

(b) Destinasi Penerbangan Dari SibU Masih Kurang Dan Terhad

Dalam usaha menjadikan bandar-bandar di Malaysia termasuk SibU sebagai lokasi penerbangan yang kompetitif, Kerajaan sentiasa menggalakkan mana-mana syarikat Penerbangan Negara atau asing untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar Negara terutamanya dari Singapura, Hong Kong, China dan Taiwan ke SibU dengan mengambil langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mengadakan rundingan udara dua hala dengan negara-negara asing pada setiap tahun bagi mewujudkan / meningkatkan hak-hak trafik penerbangan di Malaysia; dan
- (ii) menawarkan pelbagai insentif kepada syarikat-syarikat penerbangan asing yang beroperasi ke mana-mana lapangan terbang negara oleh Malaysia Airports Holding Berhad (MAHB) menerusi *Airlines Incentives Programme*.

Selain daripada langkah-langkah yang telah dilaksanakan seperti di atas, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan daya tarikan dan promosi produk-produk pelancongan dalam negara sebagai satu usaha berterusan bagi menggalakkan lagi perkhidmatan penerbangan dari pelbagai laluan ke SibU.

Pada masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara seperti Malaysia Airlines Berhad (MAB), MASwings dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan domestik ke SibU dengan kekerapan sebanyak 185 kali seminggu dari beberapa destinasi seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kota Kinabalu, Mukah, Bintulu dan Miri.

Bagi maksud rancangan untuk mewujudkan perkhidmatan penerbangan antarabangsa secara terus dari luar Negara ke bandar-bandar utama di Malaysia khususnya di Sibul, ia adalah merupakan perancangan yang ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan Malaysia dan asing berdasarkan kepada *commercial viability* sesuatu laluan.

(c) Harga Tiket Penerbangan

Berhubung dengan isu harga tiket penerbangan ke/dari Sibul yang dikatakan masih lagi tinggi khususnya pada musim perayaan dan cuti sekolah, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysia Aviation Commission-MAVCOM*) sedang memuktamadkan kajian penetapan harga tiket penerbangan di Malaysia pada musim perayaan yang dijangka akan selesai pada penghujung Julai 2018.

Kajian tersebut akan mensyorkan mekanisme yang bersesuaian termasuk cadangan untuk menetapkan harga tiket penerbangan bagi tambang perkhidmatan penerbangan sektor domestik. Pihak MAVCOM akan mengemukakan hasil kajian serta cadangan penyelesaian kepada pihak Kerajaan untuk pertimbangan.

Manakala langkah-langkah untuk mengurangkan lagi kadar harga tiket penerbangan domestik dalam negeri Sarawak yang dikendalikan oleh MASwings akan dilaksanakan melalui mekanisme penetapan siling kadar tambang yang akan ditambah baik dengan penetapan satu kadar tambang tanpa caj-caj lain yang dikenakan oleh operator seperti surcaj bahan api (*fuel surcharge*). Siling tersebut juga akan dikaji semula dengan lebih kerap dan ia ditetapkan berdasarkan persetujuan bersama

di antara Kementerian Pengangkutan, MAVCOM dan MASwings mengikut keperluan semasa.

Sekian, terima kasih.